

19 OCT 2003

APEC-CEO/I

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP MENGENAI GLOBALISASI DI SIDANG KEMUNCIAK CEO

APEC

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini pada Ahad untuk menghadiri Sidang Kemuncak APEC akan menyertai satu sesi dialog mengenai globalisasi dan cabarannya pada Isnin yang dihadiri kira-kira 500 ketua industri dari rantau Asia Pasifik.

Dr Mahathir, yang sering menggesa globalisasi menyediakan faedah yang sama rata kepada semua negara daripada hanya memberi peluang kepada negara kaya mengeksploitasikan negara-negara membangun, akan menyertai rakan sejawatnya Helen Clark dari New Zealand dan Presiden Ricardo Lagos dari Chile dalam perbincangan itu.

Malaysia sering menekankan kepentingan agar negara-negara membuka pasaran mereka berasaskan kepada keupayaan domestik dengan masa diberikan kepada negara membangun dan negara miskin untuk membina industri dan ekonomi mereka.

Dr Mahathir akan mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang diadakan bersempena dengan Mesyuarat Ekonomi Ketua-Ketua Apec yang akan bermula pada Isnin.

Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, yang merasmikan Sidang Kemuncak CEO pada Ahad itu berkata menggerakkan sesebuah ekonomi bukan tugas kerajaan tetapi adalah tanggungjawab sektor swasta.

"Tugas kerajaan adalah menyediakan arah dan memudahkan tetapi pertumbuhan ekonomi adalah pertumbuhan sektor swasta," katanya.

Beliau berkata APEC menyedari akan perkara itu dan mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) semalam dan Sidang Kemuncak CEO mengiktiraf akan kepentingan dan peranan penting yang dimainkan oleh sekyor swasta.

Sebagai sebuah perkumpulan serantau terbesar, Thaksin berkata APEC boleh menjadi satu kuasa yang kuat bagi pertumbuhan yang mapan.

Dipengerusikan oleh Dr Vachara Phanachet, Sidang Kemuncak CEO yang dihadiri lebih 500 CEO, akan menyaksikan penyertaan hari ini disertai pemimpin-pemimpin termasuk Presiden China Hu Jintao, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Presiden Peru Alejandro Toledo dan Presiden Russia, Vladimir Putin.

Setiausaha Agung Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) Dr Supachai Panitchpakdi juga akan menyampaikan ucapan hari ini mengenai implikasi mesyuarat WTO yang menemui kegagalan di Cancun.

Ia kemudiannya disusuli oleh ucap tama daripada Setiausaha Negara AS Colin Powell.

"Dibentuk 14 tahun lalu, APEC kini ibaratnya sudah remaja. Dan dalam hal itu, saya rasa APEC merupakan seorang remaja yang cemerlang," kata Thaksin.

APEC mempunyai 21 ekonomi anggota terdiri daripada 2.5 bilion penduduk dan gabungan keluaran negara kasar AS\$1.8 trilion (RM6.84 trilion) atau 60 peratus daripada ekonomi global.

"Saya sangat hairan sekiranya apa yang APEC telah lakukan tidak membawa banyak makna kepada sebilangan penduduk yang berbeza," katanya.

Meskipun hidup dalam dunia yang berbeza, katanya, anggota APEC juga menyaksikan dunia yang semakin salingbergantungan.

"Sekiranya kita menerima hakikat itu, kita mempunyai pilihan sama ada mengubah perbezaan kita menjadi satu perkongsian kekuatan atau membiarkan perbezaan kita memecahkan dunia," katanya. --BERNAMA

SHO MR ZK